

<b>Headline</b>	<b>Anugerah bawa makna besar- Roslinda</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Date</b>	<b>14. Apr 2008</b>	<b>Page No</b>	<b>31</b>
<b>Media Title</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Article Size</b>	<b>203 cm<sup>2</sup></b>
<b>Section</b>	<b>Sukan</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Circulation</b>	<b>238082</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Readership</b>	<b>833287</b>		



**MASUM 2007**

## Anugerah bawa makna besar – Roslinda

JOHOR BAHRU – Pemilihan Roslinda Samsu, 26, sebagai Olahragawati Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2007 membawa makna besar kepada dia, *lapor KHADIJAH IBRAHIM*.

Beliau yang merupakan atlet lompat ber-galah kebangsaan berkata, pengiktirafan tersebut sekali gus menambahkan lagi ke-yakinannya untuk beraksi pada Sukan Olim-pik Beijing 2008, Ogos ini.

Katanya, pengiktirafan tersebut bukan sahaja memberi semangat kepada para atlet malah mampu membuka mata masyarakat tentang bidang sukan.

"Selama ini orang selalu pandang rendah kepada ahli sukan dan saya sendiri dahulu tidak mendapat restu daripada ahli keluar-

ga bila aktif sukan.  
"Sekarang ini apabila mereka melihat kesungguhan dan kejayaan yang diperoleh, saya tidak ada masalah lagi. Sebaliknya, keluarga merupakan pendorong utama," katanya.

Roslinda, pelajar Universiti Putra Malay-sia (UPM) Serdang, Selangor, berkata demikian selepas majlis anugerah Masum 2007 yang diadakan di Persada Johor di sini semalam.

Pada majlis itu, beliau menerima trofi, sijil dan wang tunai RM3,000 yang disampaikan oleh Menteri Pengaji-an Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Turut hadir Naib Canselor

Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Tan Seri Prof. Dr. Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali.

Roslinda yang merupakan pelajar tahun dua Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani UPM berkata, sesiapa sahaja boleh menjadi atlet berjaya kalau berdisiplin.

Sementara, Muhammad Farkhan Mohd. Haron, 19, yang aktif dalam sukan tinju dipilih sebagai Bintang Harapan Lelaki.

Pelajar daripada Universiti

Teknologi Mara (UITM) itu tidak menduga terpilih untuk kategori tersebut yang mela-yakkannya menerima trofi, sijil dan wang tunai RM1,000.

"Seperti mimpi kerana ini adalah per-tama kali saya dicalonkan un-tuk anugerah itu dan me-nang pula. Kemenangan ini memberi semangat kepada saya untuk terus berusaha," katanya.

Dalam padu itu, anu-gerah Bintang Harapan Wanita menjadi milik Norain Ibrahim, 22, pelajar Universiti Putra Malay-sia (UPM) yang mewakili ne-

gara dalam acara menembak.

"Saya terkejut dan tidak sangka menang kerana saingannya hebat-hebat belaka," ka-tanya.

Pemenang Olahragawan Masum 2007 Mohamad Sukri Abd. Mutalib, seorang pe-lajar UPM kini berada di Jepun mewakili pasukan hoki dan Penghargaan Khas Ma-sum 2007 diberikan kepada Chee Chew Chan, pelajar UPM yang menyertai sukan taekwondo.

Sementara itu, Prof. Datuk Dr. Mohd. Wahid Samsudin (UPM) dipilih sebagai To-koh Pemimpin, manakala Nur Ekmal Buha-ri dari Universiti Sains Islam Malaysia dipi-lih sebagai Pengurus Pasukan Terbaik bagi sukan taekwondo.